

26/6/82

26 JUN 1982

Tanda nama kakitangan kerajaan tak lama lagi

Oleh JAMILAH ABD. HAMID

KUALA LUMPUR, Jumaat — Semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan kerajaan lain dijangka diwajibkan memakai tanda nama tidak lama lagi.

Langkah ini yang diambil oleh kerajaan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan kakitangan kerajaan dengan orang-orang awam serta meningkatkan lagi kecekapan dalam jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah mendahului pemakaian tanda nama itu. Beliau pertama kali dilihat memakai tanda nama bertulis "Mahathir" apabila menerima kunjungan Menteri Luar Jepun di pejabatnya Sabtu lalu.

Perdana Menteri turut memakai tanda nama ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO Ahad lalu.

Berita Harian juga difahamkan semua kakitangan di pejabat sulit Perdana Menteri telah memakai tanda nama masing-masing sejak awal minggu ini.

Kakitangan di beberapa bahagian lain di Jabatan Perdana Menteri turut berbuat demikian.

Sumber-sumber memberitahu, Perdana Menteri membuat keputusan mengenai pemakaian tanda nama itu Rabu lalu.

Menurut sumber-sumber itu lagi, keputusan memakai tanda nama dibuat memandangkan adanya kes di mana pegawai-pegawai kerajaan enggan

melayani orang ramai sewaktu masa pejabat.

"Orang ramai tidak boleh membuat aduan kerana mereka tidak tahu nama-nama kakitangan yang terlibat.

"Dengan pemakaian tanda nama itu, orang ramai senang mengadu," ujar sumber-sumber itu lagi.

Menurut mereka lagi, Perdana Menteri mahukan semua kakitangan kerajaan bekerja dengan cekap serta memberi perkhidmatan baik kepada orang ramai.

Sumber-sumber itu menambah, untuk permulaan tanda nama itu akan dipakai oleh para Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen serta kakitangan kerajaan yang berhubung rapat dengan orang ramai.

Kakitangan kerajaan

melibatkan mereka yang bertugas sebagai kerani-kerani kaunter, seperti pegawai imigresen, kastam, pos, pegawai cukai pendapatan dan penyambut tetamu, serta kakitangan beruniform, seperti budak pejabat, atenden lif dan pegawai keselamatan.

Seterusnya, menurut sumber itu lagi, langkah pemakaian tanda nama itu akan juga dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah.

Sumber-sumber itu juga memberitahu, penggunaan tanda nama itu bukan perkara baru kerana selama ini pun kakitangan di beberapa jabatan seperti hospital dan kastam diwajibkan memakainya.